



SIARAN MEDIA

PEMERKASAAN TEKNOLOGI PINTAR DAN MODAL INSAN BERINTEGRITI TUNJANG KELESTARIAN HUTAN NEGARA

KEPONG, 4 Februari 2026 - Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) hari ini menggariskan komitmen baharu dalam memperkukuh benteng pertahanan khazanah alam melalui pemeraksanaan teknologi digital dan modal insan berkaliber tinggi.

Menteri NRES, YB Datuk Seri Arthur Joseph Kurup, menegaskan bahawa sinergi antara teknologi pintar dan integriti manusia adalah kunci utama bagi memastikan kelestarian Hutan Simpanan Kekal di seluruh negara.

Berucap di Majlis Penganugerahan Sijil Perhutanan ke-37 Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN), beliau menyifatkan 113 graduan yang diraikan hari ini sebagai 'Graduan Abad Ini'. Gelaran ini diberikan bersempena ulang tahun ke-100 penubuhan FORTRAIN, sekali gus meletakkan harapan besar di bahu para graduan untuk menetapkan tanda aras baharu bagi pengurusan hutan untuk 100 tahun akan datang.

Sehingga kini, Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) telah melahirkan seramai 6,369 graduan yang berkhidmat dalam pelbagai sektor seperti ekopelancongan, pengurusan sumber asli, dan landskap di seluruh negara.

"Tahun 2026 merupakan Tahun Pelaksanaan dan Pecutan bagi agenda kelestarian alam," ujar Arthur. Beliau turut menekankan bahawa pemeliharaan alam bukan sekadar tugas rutin, tetapi amanah yang memerlukan kebijaksanaan manusiawi.

Penguasaan teknologi moden seperti Sistem Maklumat Geografi (GIS), penderiaan jauh, dan dron adalah penting dalam mendepani cabaran perhutanan masa kini. Namun, beliau mengingatkan bahawa teknologi hanyalah alat bantu, manakala tindakan manusia di lapangan tetap menjadi penentu. "Dron boleh memantau dari udara, tetapi andalah yang bertindak di lapangan. Gabungan teknologi pintar dan intuisi renjer hutan adalah benteng pertahanan negara yang sebenar".

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kementerian Ekonomi telah meluluskan peruntukan sebanyak RM20.8 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 bagi pembangunan dua bangunan asrama baharu di FORTRAIN. Fasiliti ini menyediakan 98 bilik yang mampu menempatkan 196 pelatih pada satu-

satu masa, bertujuan mewujudkan ekosistem pembelajaran yang lebih holistik dan kondusif.

Di akhir ucapan Arthur menyeru para graduan agar menjadikan integriti sebagai kompas utama dalam menyumbang kepada kelestarian hutan buat generasi akan datang. Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Menteri, YB Tuan Syed Ibrahim Syed Noh.

Majlis ini mencerminkan komitmen berterusan NRES dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSPM) dalam melahirkan modal insan berkemahiran, berintegriti dan berdaya saing demi memastikan pengurusan hutan negara yang lestari dan mampan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
4 FEBRUARI 2026



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

